

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Zainudin bin Ismail  
[ Jelebu ]**

**TARIKH : 17.06.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 80**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**  
menyatakan :-

- (a) keluasan tanah bagi rezab orang asli yang telah diwartakan mengikut negeri-negeri di seluruh Negara; dan
- (b) bila dijangka proses pewartaan tanah-tanah ini akan dapat disiapkan sepenuhnya dan apakah halangan dan masalah yang dihadapi bagi mewartakan tanah-tanah tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

### **Jawapan (a)**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod data tanah yang dikemaskini oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sehingga Jun 2014, jumlah tanah Orang Asli yang diwartakan adalah seluas 31,480.44 hektar. Jumlah tersebut adalah merangkumi pewartaan di bawah seksyen 6 dan 7, Akta Orang Asli (Akta 134) dengan keluasan 29,166.66 hektar, manakala seluas 2,313.78 hektar lagi diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN).

Bagi keluasan tanah mengikut negeri pula, didapati Negeri Perak mendahului negeri-negeri yang lain dengan keluasan tanah yang diwartakan berjumlah 12,882.72 hektar, diikuti Pahang seluas 6,159.20 hektar, Johor 4,873.88 hektar, Negeri Sembilan 3,425.95 hektar, Terengganu 1,369.98 hektar, Selangor 1,323.27 hektar, Kelantan 1,192.42 hektar, Kedah 173.38 hektar dan Melaka 79.64 hektar.

### **Jawapan (b)**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi JAKOA sentiasa memberi tumpuan dalam usaha-usaha bagi pewartaan tanah Orang Asli melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan dengan Pihak Kerajaan Negeri. Sasaran utama ialah mendapatkan kerjasama daripada pihak

Kerajaan Negeri untuk mewartakan tanah-tanah yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk pewartaan.

Selain itu, tumpuan turut diberi kepada kawasan penempatan Orang Asli yang berstatus dalam permohonan kepada Kerajaan Negeri, dianggarkan seluas 75,181.40 hektar dipanjangkan untuk kelulusan pewartaan. Di samping itu, kawasan yang diduduki oleh Orang Asli tanpa permohonan rasmi turut dikenalpasti dengan keluasan yang dianggarkan berjumlah 4,895.12 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri-negeri yang berkaitan, urusan pewartaan tanah Orang Asli akan dilaksanakan atau diselesaikan secara berperingkat. Ini kerana terdapat isu-isu dan kekangan tertentu yang perlu diperhalusi termasuk isu-isu teknikal seperti rekod atau dokumen yang tidak lengkap, kewangan dan juga perundangan sedia ada.

Kementerian menerusi JAKOA sentiasa komited dalam usaha mempermudah segala urusan berkaitan permohonan pewartaan tanah khususnya bagi penempatan Orang Asli. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah mengukur persempadanan untuk penyediaan Pelan Akui (PA) bagi tanah warta dan juga mengukur sempadan bagi tanah-tanah yang diduduki untuk dipanjangkan permohonan kelulusan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN).